



**AMANAT**  
*oleh*  
**YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSAN**  
**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**  
**(KPKT)**

**SEMPENA**

**PROGRAM EXECUTIVE TALK PLANMalaysia**  
**BERSAMA**  
**PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN**  
**PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**

**12 Jun 2020 (Jumaat)**  
**10.00 pagi – 12.00 tengah hari**  
**Dewan Kristal, KPKT**  
***Video Conference (VC)***

***Bismillahir rahmanir rahim ...***

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berusaha Tuan Muhammad  
Razman bin Abu Samah**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
KPKT,

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Mary Wong  
Lai Lin**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKT,

**Yang Berbahagia Datuk Azhar bin  
Ahmad**

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan  
Bandar) KPKT,

**Yang Berbahagia Dato' TPr Mohd Anuar  
bin Maidin**

Ketua Pengarah PLANMalaysia,

Yang Berusaha Ketua-Ketua Jabatan,  
Setiausaha-Setiausaha Bahagian KPKT  
dan Ketua-Ketua agensi di bawah KPKT,

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin,  
tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati  
sekalian.

## **UCAPAN ALUAN**

1. Saya memanjatkan setinggi kesyukuran Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. kerana di bawah rahmat dan inayahNya, kita masih diberi kesempatan untuk hadir bersama di Program Bicara Eksekutif Bersama Pengurusan Tertinggi KPKT pada pagi ini

secara fizikal di Dewan Kristal KPKT serta secara atas talian.

2. Saya difahamkan program pada hari ini juga menggunakan platform *Skype for Business* kepada ketua-ketua dan pengurusan kanan agensi, pejabat-pejabat bomba, PLANMalaysia Negeri serta Bahagian dan lain-lain agensi yang berkaitan serta diperluaskan melalui *video conference* dan *Facebook* untuk dikongsi bersama dengan orang awam.

3. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada para hadirin sekalian. Tahun ini, mencatat satu sejarah dan kenangan

kepada kita semua kerana cara sambutan lebaran mungkin sedikit berbeza namun diharap ia tetap bermakna kepada semua.

4. Ingin saya mengingatkan bahawa kita masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di mana penganjuran perhimpunan secara beramai-ramai adalah dilarang sama sekali. Oleh itu, dalam usaha membantu kerajaan memutuskan rantai jangkitan COVID-19, usaha PLANMalaysia dalam menganjurkan program ini merupakan salah satu norma dan kelaziman baharu yang perlu dijadikan amalan dalam pelaksanaan cara kerja di agensi masing-masing. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan dan kementerian

terutamanya dalam memastikan tiada perhimpunan-perhimpunan diadakan dan penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa bagi memutuskan rantai COVID-19. Langkah-langkah pencegahan dan kawalan seperti ini sewajarnya dilaksanakan secara berterusan di setiap agensi sama ada semasa atau pasca COVID-19.

5. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada YBhg. Dato' TPr Mohd Anuar bin Maidin, Ketua Pengarah PLANMalaysia di atas usaha dan inisiatif mengadakan program ini mengikut S.O.P. yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Terima

kasih diucapkan kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan berinteraksi dengan kumpulan pengurusan tertinggi di KPKT.

Para hadirin sekalian,

6. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran semula PLANMalaysia ke KPKT bermula pada 10 Mac 2020 yang lepas. Dengan kembalinya PLANMalaysia ke pangkuhan Kementerian, ia membuka peluang kepada kita semua untuk merancang pembangunan dengan lebih teratur bagi menjamin pembangunan yang secara langsung dapat menyumbang kepada kesejahteraan rakyat.

7. Perancangan ke arah pembangunan mampan ini dapat dilaksanakan dengan kerjasama daripada semua jabatan dan agensi di bawah KPKT dan perlu mengambil kira inisiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam dasar-dasar di bawah kawalan Kementerian seperti Dasar Komuniti Negara, Dasar Perbandaran Negara dan lain-lain.

8. PLANMalaysia sebagai agensi utama dalam perancangan fizikal negara juga perlu memberi perhatian kepada kawasan-kawasan desa bagi memastikan perancangan yang dilaksanakan adalah inklusif dan tidak hanya tertumpu di kawasan-kawasan bandar sahaja.

9. Saya percaya dalam sistem perancangan bandar dan desa, prinsip-prinsip pembangunan mampan sentiasa diberi perhatian. Soal-soal yang berkaitan dengan tadbir urus perancangan, *check and balance*, transparensi dan pendekatan *bottom up* telah menjadi satu prinsip dalam bidang perancangan dan diamalkan di organisasi PLANMalaysia.

10. Seperti yang kita sedia maklum, KPKT merupakan Kementerian yang terlibat secara langsung dalam pembangunan fizikal. Saya berharap agar semua agensi, jabatan dan bahagian dapat terus bekerjasama dalam menjayakan apa juu agenda-agenda pembangunan mampan

yang telah ditetapkan oleh Kementerian sebagai KPI utama.

11. Di samping itu, kerjasama dan *engagement* dengan lain-lain kementerian perlu dipertingkatkan bagi mengawal pembangunan fizikal dan komuniti yang mampan.

## **PENUTUP**

12. Akhir sekali, menjadi harapan saya, program pada hari ini dapat memberi pemahaman yang jelas mengenai peranan perancang bandar dan desa khususnya berkaitan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] secara mendalam.

13. Akhir kata, suka saya untuk berkongsi pepatah daripada salah seorang ahli falsafah Amerika Syarikat iaitu Mattie J.T. Stepanek, “*Unity is strength... when there is teamwork and collaboration, wonderful things can be achieved.*” Oleh itu, saya menyeru agar para hadirin yang dihormati sekalian untuk bersama-sama saya dan kumpulan pengurusan tertinggi KPKT untuk meningkatkan usaha bagi melonjakkan prestasi kerja KPKT ke tahap berprestasi tinggi dan berorientasikan keberhasilan demi kesejahteraan rakyat.

Wabillahitaufik

Walhidayah

Wassalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.